

**ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN**

- 1 Pernyataan yang manakah benar tentang organisasi bermotifkan untung (OBU).
- A Bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan percuma untuk ahli
  - B Menjual barang dan perkhidmatan pada harga kos sahaja
  - C Memaksimumkan keuntungan perniagaan
  - D Meminimalkan keuntungan perniagaan
- 2 Persamaan antara syarikat awam berhad dengan syarikat sendirian berhad ialah
- I Liabiliti terhad
  - II Dimiliki oleh orang awam
  - III Hal ehwal syarikat dirahsiakan
  - IV Menikmati ekonomi bidangan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan sektor perniagaan

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Perlombongan</li><li>• Perikanan</li><li>• Pertanian</li></ul> |
|--|

- Aktiviti perniagaan di atas merujuk aktiviti dalam sektor
- A Utama
  - B Kedua
  - C Ketiga
  - D keempat
- 4 Agensi manakah yang menjadi penyumbang utama eksport negara pada era selepas merdeka sehingga tahun 1970-an
- A Peruncitan dan pemborongan Pertanian
  - B Perkilangan
  - C Perkhidmatan
  - D Pertanian
- 5 MAKLUMAT DI bawah berkaitan dengan sejenis pelepasan cukai

*' Syarikat Superglove Sendirian Berhad terlibat dalam pengeluaran sarung tangan getah untuk pasaran antarabangsa. Pada tahun 2018, syarikat telah mengambil keputusan untuk membelanjakan sebanyak RM 100 juta untuk pembesaran, modenisasi, dan automasi kilang'*

Apakah jenis pelepasan cukai yang layak diterima oleh Syarikat tersebut.

- A Taraf perintis
- B Potongan cukai
- C Pengecualian cukai
- D Elaun pelaburan semula

- 6 Apabila kadar pertumbuhan KDNK bernilai positif, ekonomi negara dianggap mengalami
- A Pemulihan
  - B Pengenalan
  - C Kemerosotan
  - D pertumbuhan
- 7 Berikut manakah bukan merupakan peranan kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi
- A Meningkatkan kadar faedah simpanan di bank
  - B Kerajaan hanya mengimport barangan dan perkhidmatan yang penting sahaja dan meningkatkan jumlah eksport barangan yang tidak penting ke luar negara
  - C Kerajaan menggalakkan agar pengguna banyak berbelanja untuk menjana ekonomi
  - D Pemberian subsidi untuk mengawal peningkatan kos pengeluaran yang dihadapi oleh pengeluar

- 8 Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Lee Park Sendirian Berhad.

Syarikat Lee Park Sendirian Berhad mengamalkan dasar mengisi kekosongan dalam organisasi dengan sumber manusia dalaman.

Mengapakah syarikat tersebut bertindak sedemikian

- I Pekerja dapat membawa idea baharu
  - II Tidak perlu melaksanakan program induksi
  - III Tidak akan wujud kekosongan jawatan lain
  - IV Pekerja akan lebih bermotivasi untuk bekerja
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

9

Perniagaan perlu sentiasa peka terhadap undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa

Manakah antara berikut bukan kesan perubahan yang wujud dari aspek undang-undang

- A Melindungi peningkatan dalam guna tenaga
  - B Melindungi perniagaan daripada sebarang penipuan
  - C Mewujudkan sistem perniagaan yang adil
  - D Melindungi hak semua pihak dalam perniagaan
- 10 Apakah maksud misi
- A Tujuan penubuhan syarikat
  - B Wawasan yang ingin dicapai
  - C Matlamat yang ingin dicapai
  - D Prosedur menjalankan tugas

- 11 Mengapakah penetapan visi penting untuk sesebuah organisasi?
- I Membantu mencapai matlamat penubuhan organisasi
  - II Bertindak sebagai garis panduan pekerja bahagian operasi
  - III Menjadi pendorong kuat kepada pihak pengurusan dan pekerja
  - IV Membantu meningkatkan jualan dan keuntungan dalam jangka pendek
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D I dan IV

- 12 Soalan di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Lexis Sdn. Bhd.

Syarikat Lexis Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat pengeluaran jam tangan sukan yang baru ditubuhkan dengan modal berbayar syarikat sebanyak RM11 juta. Syarikat beroperasi dengan bilangan pekerja seramai 60 orang. Syarikat ingin menghasilkan jam tangan sukan yang mempunyai mutu dan ciri setaraf pengeluar utama dunia serta memasarkannya ke seluruh dunia.

Apakah ciri objektif yang baik yang gagal dipenuhi oleh Syarikat Lexis Sdn. Bhd.?

- A Jangka masa (*Time frame*)
  - B Spesifik (*Specific*)
  - C Boleh diukur (*Measureable*)
  - D Boleh dicapai (*Attainable*)
- 13 Antara yang berikut, manakah yang mewakili visi, misi dan objektif (VMO) organisasi sektor swasta?
- I Memaksimumkan keuntungan
  - II Menyediakan produk secara percuma
  - III Menyediakan perkhidmatan sukarela
  - IV Mementingkan kecekapan dalam proses pengeluaran
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D I dan IV
- 14 Manakah yang merupakan faktor dalaman organisasi yang boleh mempengaruhi pencapaian visi, misi dan objektif (VMO) organisasinya?
- A Politik
  - B Undang-undang
  - c Sumber manusia
  - D Ekonomi
- 15 Antara yang berikut, maklumat manakah yang boleh diperoleh melalui sesebuah carta organisasi?
- I Jadual tugas
  - I Pembahagian kerja
  - III Hierarki pengurusan
  - IV Hubungan antara ketua dengan
- A I, II dan III

- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

16 Maklumat dibawah ini merujuk kepada peranan salah satu bahagian fungsian dalam organisasi

- Menjalankan urusan dalaman organisasi
- Mengurus rekod
- Mengendalikan mesyuarat

Apakah bahagian fungsian berkenaan ?

- A Kewangan
  - B Pentadbiran
  - C Sumber manusia
  - D Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- 17 Apakah peranan utama bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perniagaan?
- A Menyimpan dan melindungi semua maklumat organisasi
  - B Mengubah dan memindahkan data dengan cepat dan selamat
  - C Menyimpan dan memproses data dengan mudah dan serta merta
  - D Membolehkan maklumat digunakan untuk memaksimumkan produktiviti
- 18 Mengapakah syarikat insurans melantik ejen untuk berinteraksi dengan pelanggan?
- A Untuk mempengaruhi pelanggan membeli produk
  - B Untuk menjalin kerjasama strategik dengan pelanggan
  - C Untuk mengukuhkan hubungan baik dengan pelanggan
  - D Untuk mewujudkan jaringan perniagaan dengan pelanggan
- 19 Bagaimanakah interaksi dengan pihak bank membantu perniagaan mengatasi masalah operasi pengeluaran?
- A Mengatasi masalah kekurangan modal kerja
  - B Memudahkan urusan pembayaran perniagaan
  - C Memudahkan penyimpanan wang dengan selamat
  - D Memudahkan perniagaan melakukan pembayaran gaji
- 20 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** kepentingan pengurusan sumber manusia
- A Kebajikan pekerja sentiasa dijaga
  - B Pengagihan sumber manusia secara berkesan
  - C Tahap motivasi pekerja sentiasa tinggi
  - D Pemantapan budaya profesional

21 Antara yang berikut, manakah peranan pengurus sumber manusia dalam membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran ?

- I. Menetapkan Indeks Pencapaian Utama (KPI)
- II. Menerap konsep *Total Quality Management* (TQM)
- III. Menekankan perkongsian kemahiran dan pengetahuan

- IV. Merancang program Latihan dan pembangunan
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

22 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Rasid sebagai pengurus sumber manusia di Syarikat Am Bhd

- **Aktiviti menganalisis keperluan sumber manusia dalam organisasi**
- **Mengkaji analisis kerja untuk memenuhi keperluan kerja yang perlu dipatuhi**
- **Memastikan tidak berlaku lebih dan kurangan dalam**

Apakah peranan yang dimainkan oleh Encik Rasid dalam syarikat tersebut ?

- A. Pemantapan budaya professional
  - B. Kawalan sumber manusia
  - C. Perancangan
  - D. Kepimpinan
- 23 Seorang tukang kunci memerlukan mesin yang pelbagai fungsi untuk menghasilkan pelbagai jenis kunci. Selain itu, peralatan tambahan juga diperlukan untuk menghasilkan kunci yang tahan lasak. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan ?
- A. Sistem penggajian
  - B. Latihan dan kemahiran
  - C. Penghargaan dan hukuman
  - D. Penempatan pekerja dan fasiliti
24. Gambar di bawah menunjukkan Encik Luqman yang bekerja sebagai seorang juruteknik elektrik.



Gambar 2

Apakah kategori kemahiran kebolehkeraan yang dimiliki oleh Encik Luqman?

- I Kelayakan dalam bidang perniagaan
- II Pengalaman terdahulu sebagai juruteknik elektrik
- III Berpengetahuan tentang sistem pendawaian elektrik
- IV Pengalaman dalam industri pembuatan

- A. I dan II
- B. I dan III

- C. II dan IV
- D. III dan IV


25. Apakah itu sumber fizikal?

- A. Aset yang berbentuk ketara
- B. Aset yang berbentuk tak ketara
- C. Peralatan yang memudahkan urusan perniagaan
- D. Peralatan yang diperlukan untuk menjana pendapatan

26. Syarikat Penerbitan Bestari memohon hak cipta terpelihara bagi beberapa karya yang diterbitkan. Apakah tujuan syarikat tersebut berbuat demikian?

- A. Mendapatkan hak perundangan ke atas ciptaan mereka
- B. Mendapatkan kebenaran untuk mencetak karya syarikat
- C. Mendapatkan kelulusan untuk menjual pada harga diskaun
- D. Mendapatkan kebenaran memasarkan karya syarikat ke luar Negara

27. Rajah berikut merupakan prosedur mengurus sumber teknologi.



Antara berikut, yang manakah merupakan prosedur yang betul bagi T?

- A. Hak cipta Terpelihara
- B. Penyelenggaraan
- C. Keselamatan
- D. Insurans

28. Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan di sebuah organisasi.

- Reka cipta yang belum dicipta oleh pihak lain
- Prosedur yang belum dicipta atau dizahirkan oleh mana-mana pihak
- Berpotensi untuk dimanfaatkan oleh semua pihak

Apakah yang berkaitan dengan aktiviti tersebut?

- A. Hak cipta terpelihara
- B. Paten
- C. Perlindungan insurans dan keselamatan
- D. Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang

29. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran ?

- A. Peniaga menabung wang sedikit demi sedikit untuk memulakan perniagaan.
- B. Peniaga menyimpan sebahagian daripada keuntungan sebagai rizab untuk memajukan perniagaannya.
- C. Keluarga peniaga membantu menyumbang wang untuk membolehkan peniaga memulakan perniagaan.
- D. Peniaga mendapatkan jaminan daripada syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad untuk mendapatkan pinjaman dari bank perdagangan.

30. Gambar di bawah ini menunjukkan kedai Dobi Layan Diri Amirullah.



Gambar 4

Apakah jenis pembiayaan yang sesuai untuk membeli mesin basuh perniagaan tersebut ?

- A. Pajakan
- B. Gadaian
- C. Sewa beli
- D. Simpanan peribadi


31. Apakah jenis sumber pembiayaan yang membolehkan peniaga mencagarkan barangan berharga untuk mendapat pinjaman?

- A. Sewa beli
- B. Pajakan
- C. Overdraf
- D. Ar-Rahnu

32. Antara yang berikut, manakah merupakan kelebihan memperoleh jentera melalui skim pajakan?

- I. Dapat menjana pendapatan
  - II. Dimiliki selepas tamat tempoh pajakan
  - III. Jentera yang rosak akan dibaiki oleh penyewa
  - IV. Dapat menggunakan mesin tanpa mengeluarkan modal yang tinggi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

33. Rajah 1 menunjukkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan di Bank Bunga Raya



Rajah 1

Apakah prosedur X?

- A. Membuat permohonan
- B. Penilaian pembiayaan
- C. Pengeluaran pinjaman
- D. Menghantar borang

34. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Puan Aisyah.

Puan Aisyah merupakan seorang pengusaha Kedai Roti dan Kek. Memandangkan perniagaannya mendapat sambutan yang baik, beliau mengambil keputusan untuk membuka satu lagi kedai dengan menggunakan wang simpanan sendiri

Mengapakah beliau memilih menggunakan sumber pembiayaan tersebut?

- I. Sumber pembiayaan luaran memerlukan jaminan
- II. Modal daripada sumber pembiayaan dalaman tidak terhad.
- III. Sumber pembiayaan luaran tidak sesuai untuk perniagaan Kedai Roti dan Kek.
- IV. Sumber pembiayaan dalaman dapat mengelakkan pembayaran faedah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



35. Antara yang berikut, manakah yang merupakan komponen Penyata Pendapatan?

- I. Kunci Kira-kira
  - II. Akaun untung rugi
  - III. Akaun perdagangan
  - IV. Penyata aliran tunai
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

36. Antara yang berikut, yang manakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak – pihak tertentu dalam perniagaan?

	<b>Pihak Berkepentingan</b>	<b>Kepentingan</b>
I	Pengurusan	Menentukan jumlah dividen yang perlu dibayar kepada pemegang saham
II	Pelabur	Membuat keputusan untuk melabur atau melepaskan pegangan ke atas saham syarikat
III	Pembiaya	Panduan bagi menyusun strategi perniagaan seterusnya
IV	Pekerja	Asas kepada tuntutan untuk mendapatkan royalty

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

37. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan

Encik Farhan pernah gagal dalam perniagaan lamanya sehingga terpaksa menjual hampir kesemua aset untuk menampung hutang. Kini beliau telah memulakan perniagaan baharu dan menghabiskan masa sehingga 12 jam sehari menguruskan perniagaannya.

Antara yang berikut, ciri manakah yang ada pada Encik Farhan?

- I Tabah
- II Berdikari
- III Bertoleransi
- IV Komitmen yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38. Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat ?

I Mewujudkan sikap berdikari

II Memupuk minat keusahawanan dalam keluarga

III Menyediakan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan

IV Mewujudkan ketenteraman dengan mengurangkan kadar jenayah

A I dan II

B I dan III

C II dan III

D III dan IV

39. Encik Saiful ingin menubuhkan sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Apakah prosedur penubuhan perniagaan tersebut.

- A. Permohonan carian nama syarikat → Melantik setiausaha syarikat → Permohonan pemerbadanan syarikat
- B. Permohonan kelulusan nama perniagaan → Notis pemerbadanan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- C. Permohonan carian nama syarikat → Permohonan pemerbadanan syarikat → Notis pemerbadanan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- D. Permohonan kelulusan nama perniagaan → Mengisi borang A → Menghantar borang bersama dokumen ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

40. Apakah tanggungjawab peniaga setelah memperoleh sijil perakuan pendaftaran?

- A Menyimpan sijil
- B Mempamerkan sijil
- C Memulakan perniagaan
- D Mencetak kad perniagaan

SOALAN TAMAT